

12/09/1997

Tentang manipulasi kuasa luar: Dr M

Zam Zam Omar in Ulan Bator

ULAN BATOR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya negara-negara membangun tidak mungkin dapat mencapai potensi sepenuhnya selagi mereka tidak menentang manipulasi kuasa-kuasa luar.

Menurut Perdana Menteri, negara membangun termasuk Malaysia, menerima hakikat bahawa dunia tidak berhutang apa-apa kepada mereka. Apa yang negara membangun harapkan ialah wujudnya keadaan saling menghormati dan persamaan hak.

Sehubungan itu, amat penting bagi negara membangun bersatu dan bercakap dengan satu nada dalam era globalisasi dan perubahan teknikal yang pesat bagi menjamin kepentingan mereka diberi perhatian dan pendapat mereka dihormati.

"Dalam persekitaran yang mencabar seumpama ini, negara-negara Selatan perlu mempertingkatkan kerjasama mereka demi kepentingan mereka sendiri," katanya dalam ucapan penerimaan ijazah kehormat Doktor Falsafah Dalam Kemanusiaan oleh Universiti Kebangsaan Mongolia di sini hari ini.

Dr Mahathir menamatkan lawatan rasmi empat harinya ke Mongolia untuk meningkatkan hubungan ekonomi antara Malaysia dan negara bekas sosialis yang sedang menuju ke arah ekonomi pasaran dan memainkan peranan dalam ekonomi global.

Dalam ucapan sebelum penyampaian anugerah itu, rektor Universiti Mongolia, Dr T S Gantsog, berkata Dr Mahathir dipilih kerana sumbangannya bagi mempereratkan hubungan antara negara.

Perdana Menteri berkata, laluan negara-negara Selatan dalam usaha memajukan ekonomi masing-masing selalunya menempuh onak dan duri termasuk yang diadakan oleh kuasa-kuasa luar.

Bagi menghadapi usaha kuasa-kuasa luar yang mahu memperlambatkan pertumbuhan ekonomi mereka, negara membangun perlu mempertingkatkan kerjasama sesama sendiri.

"Kami di rantau Asia Timur sudah amat menyedari akan tindakan kuasa luar untuk memperlambatkan pertumbuhan ekonomi kami yang pesat seperti terbukti daripada usaha melemahkan mata wang negara tertentu di Asia baru-baru ini," katanya.

Menurut Dr Mahathir, ketika dunia menuju alaf baru, semua negara berhak mendapat agihan kekayaan dan kemakmuran yang adil. Semua negara harus bekerjasama ke arah satu persekitaran yang merangsangkan bagi keamanan global, kestabilan dan kemakmuran bersama.

Malaysia menghargai persahabatannya dengan semua negara, sama ada besar atau kecil tanpa mengira sistem kerajaan mereka. Ini kerana apa yang diharapkan ialah perasaan saling menghormati dan kesamarataan.

"Kita sudah menghampiri alaf pertama, yang kedatangannya turut membawa harapan baru kepada kita. Dalam hubungan ini, harapan luhur saya ialah semua negara berusaha bersama bagi membina sebuah dunia yang lebih baik dan sama rata untuk generasi akan datang," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir memuji keindahan Mongolia yang menurutnya, sudah sampai masanya negara ini keluar daripada tanggapan bahawa ia adalah negara terpencil.

"Keindahan Mongolia yang asli dan tidak tercemar, dengan udaranya bersih, sejarah dan kesan peninggalannya yang cemerlang, menjadi tempat hebat untuk dilawati pelancong dari rantau Asia Tenggara serta bahagian dunia lain.

"Apa yang Mongolia perlukan ialah pelaburan untuk infrastruktur bagi

menjadikannya kurang terpencil. Dalam hubungan ini, Malaysia bersedia bekerjasama dengan Mongolia bagi mengetepikan tanggapan hari ini, bahawa ia adalah sebuah negara terpencil," katanya.

Penerbangan dari Kuala Lumpur ke sini hanya mengambil masa tujuh jam, manakala penerbangan tanpa henti dari sini ke London mengambil masa 13 jam dan lebih 20 jam untuk ke New York.

(END)